

Dr M jelaskan sebab Shahrir tidak dilantik

JOHOR BAHRU, Selasa — **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, hari ini berkata Datuk Shahrir Abdul Samad tidak dilantik sebagai ketua Umno bahagian Johor Bahru kerana didapati beliau dan kumpulannya tidak bekerja kuat ketika pilihanraya kecil **Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri lalu**.

Menurutnya, Datuk Shahrir terpaksa dikeluarkan buat sementara waktu sehingga beliau boleh meyakinkan **pucuk pimpinan** bahawa beliau boleh memimpin dan bekerja.

Berucap di majlis perjumpaan dengan **pemimpin-pemimpin Melayu** di kediaman **Menteri Besar**, Saujana di sini, beliau berkata, malah Datuk Musa Hitam sendiri mememuinya supaya mengambil Datuk Shahrir.

"Mereka tidak menunjukkan sokongan kepada Umno yang ada. Bagaimanapun, Datuk Shahrir masih diterima menjadi ahli.

"Beliau tidak dipilih kerana Umno sedang dalam penyusunan semula dan kita tidak mahu terlalu banyak kekacauan," katanya.

Menurut beliau, lagipun Datuk Shahrir tidak patut marah kerana orang yang dilantik menjaga Umno Johor Bahru bukan **calang-calang** orang tetapi Menteri Besar, **Haji Muhyiddin Mohd Yassin sendiri**.

"Datuk Shahrir sebenarnya masih berpeluang kerana apabila pemilihan Umno diadakan nanti, mereka yang masih mahukan kepimpinan beliau, boleh memilihnya," kata Perdana Menteri.

Katanya, Umno menerima siapa saja, baik Datuk Musa mahupun Datuk Shahrir. **Ini kerana** Umno milik semua.

"Kita sentiasa mahu berbaik semula dan melupakan kisah lama, sebaliknya mereka terus

mengungkitnya dan sengaja mewujudkan rasa benci, khususnya kepada saya, sedangkan tindakan itu tidak mendatangkan manfaat," kata beliau.

Dalam perjumpaan itu juga, **Perdana Menteri** menerima borang keahlian 52 bekas ahli PSRM untuk menubuhkan cawangan Umno Lorong Intan, Kampung Melayu Majidee di sini.

Perdana Menteri juga menerima borang keahlian 40 ahli DAP cawangan Tampoi menyertai Barisan Nasional apabila kumpulan itu menyerahkan lencana DAP kepada beliau dan sebagai ganti, mereka diberikan lencana BN.

Lima puluh dua ahli PSRM itu adalah tambahan kepada 200 ahlinya yang keluar daripada parti itu minggu lalu untuk menyertai Umno.

Bekas ahli jawatankuasa PSRM Negeri, Encik Kadir Abdul Rahman menyerahkan borang permohonan bagi menyertai Umno bagi pihak PSRM manakala Encik Keppol Bidin daripada DAP cawangan Tampoi mewakili kumpulannya menyerahkan lencana DAP sebagai tanda keluar daripada parti itu.

Antara ahli DAP yang keluar daripada parti itu ialah Setiausaha Pubiisiti DAP cawangan Johor Bahru, Encik Malvin a/l Sivajothy.

Perdana Menteri ketika menerima borang keahlian itu, mengingatkan semua pihak, kini ahli DAP keluar daripada parti mereka, manakala Datuk Shahrir Samad pula berjuang untuk membebaskan Lim Kit Siang.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada bekas ahli PSRM kerana menubuhkan satu cawangan baru Umno dengan menolak PSRM.